

BAB 1

LATAR BELAKANG KEDATANGAN JEPUN DI TANAH MELAYU

Pada 8 Disember 1941, tentera Jepun yang diketuai oleh Jeneral Takumi telah mendarat di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan. Dengan pendaratan ini bermulalah serangan Jepun ke atas Tanah Melayu. Tentera British di bawah pimpinan Brigadier Kay yang mengetuai '28th Indian Infantry Brigade' telah tewas di dalam usaha mempertahankan Kota Bharu.¹ Pendudukan Jepun di Malaya dan Singapura bermula dengan berakhirnya kekuasaan British untuk sementara apabila jatuhnya Singapura ke tangan Jepun pada 15 Februari 1942.² Kemenangan Jepun yang dicapainya dalam masa yang singkat iaitu selama tujuh puluh hari selepas pendaratannya di Kelantan pada 8 Disember 1941, pada umumnya disebabkan oleh kurangnya persiapan untuk menentang Jepun oleh pentadbiran British di Tanah Melayu.

Tentera Jepun memulakan serangan ke atas Tanah Melayu dari pengkalan-pengkalannya di Indochina dan bukan dari Jepun. Tentera Jepun dapat mendarat dengan mudahnya di Kota Bharu, Kelantan, kerana pihak British tidak menyangka tentera Jepun akan membuat serangan dari arah utara. Pihak British menganggap

¹ A.E. Percival, *The War In Malaya*, London: Eyre & Spottiswoode, 1949, hlm. 111

² Chin Kee Onn, *Malaya Up Side Down*, Singapore: Jitts and Co., 1946, hal. 3

kehebatan Jepun sebagai satu perkara yang mudah saja kerana kedudukan ekonomi Jepun diwaktu itu tidak mengizinkan penglibatan mereka dalam perang.³


Tanah Melayu mula dipertahankan oleh lima batalion angkatan darat sahaja setelah tentera udara Jepun berjaya mengalahkan tentera udara British. British tidak dapat mempertahankan kemaraan tentera Jepun ke selatan Tanah Melayu. Oleh itu tentera British terpaksa berundur dengan harapan dapat melancarkan serangan-serangan pada tempat yang strategik. British juga telah menghantar dua buah kapal perang '*HMS Prince of Wales*' dan '*HMS Repulse*' untuk mempertahankan Tanah Melayu. British menganggap kekuatan tentera laut Amerika bagi pasifik yang berpengkalan di Pearl Harbour dan tentera laut British akan dapat menahan kemaraan Jepun di Tanah Melayu. Dakwaan-dakwaan British tersebut ternyata silap apabila Pearl Harbour dibom Jepun⁴ dan kemudiannya kekuatan tentera laut British di Tanah Melayu dan Singapura musnah pula dengan tenggelamnya kapal-kapal *Prince of Wales* dan *Repulse* oleh serangan Jepun di Laut China Selatan,⁵ sedangkan kekuatan tentera udara British pula adalah lemah dan tidak dapat memberi bantuan sewajarnya.⁶

³ F. Spencer Chapman, *The Jungle Is Neutral*, London: Chatto and Windus, 1963, hal. 23.

⁴ Pengeboman Jepun ke atas tentera laut Amerika bagi Pasifik dan Pearl Harbour itu dianggap sebagai dua kesalahan yang dilakukan oleh Jepun. Pertama, Jepun melakukannya sebelum perisytiharan perang, keduanya melakukan serangan ke tempat yang tidak disangka-sangka oleh Amerika. Lihat Chin Kee Onn, *Malaya Up Side Down*, hlm. 2.

⁵ *Ibid.*, hlm. 3-4, A.E. Percival, *The War*, hlm. 125-126.

⁶ Chin Kee Onn, *Malaya*, hlm. 6-7.



Peta 1

Peta 1 di atas menunjukkan tempat-tempat pendaratan askar Jepun di utara dan Pantai Timur Tanah Melayu.

Peta asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Sementara itu pihak British tidak dapat menyediakan satu barisan hadapan yang padu daripada penduduk-penduduk Tanah Melayu. Ini disebabkan penduduk-penduduk negara tersebut adalah berbilang kaum. Kaum Cina dan India yang mendarat masih belum menumpukan ketaat setiaan mereka ke negara ini.⁷ Kaum Cina di Tanah Melayu yang menjalankan kegiatan-kegiatan anti-Jepun sejak 1937 telah tidak digunakan oleh British kerana ramai di antara mereka menjadi anggota P.K.M. yang hendak dihapuskan oleh British pada waktu itu.⁸ Kedua-dua kapal perang itu telah dibom dan ditenggelamkan oleh tentera udara Jepun di pinggir laut Pahang. Kejadian ini berlaku dua hari selepas pendaratan Jepun di Kota Bharu. Penenggelaman kapal-kapal itu telah menjatuhkan semangat tentera British. Tentera Jepun mara ke selatan Tanah Melayu dengan pantas. Mereka menggunakan jalan-jalan raya dan lorong-lorong kecil dalam hutan.

Pihak Jepun telah mempunyai perancangan yang teliti mengenai peperangan tersebut. Ini dapat dibuktikan memandangkan kegiatan-kegiatan Jepun sebelum dan semasa peperangan berjalan. Kegiatan Jepun mengkaji kedudukan Tanah Melayu dan Singapura telah dilakukan oleh Pasukan Kelima (Fifth Columnist) sebelum perang bermula. Mereka mendapat bantuan daripada orang Jepun yang tinggal di Tanah Melayu suatu ketika dahulu sebagai pengintip. Orang Jepun yang bekerja dan menetap di Tanah Melayu dan Singapura telah memberi bantuan seperti maklumat cara serangan dan kedudukan British kepada tentera

⁷ Chin Kee Onn, *Malaya*, hlm. 6

⁸ Spencer, *The Jungle*, hlm. 25.

Jepun. Orang Jepun yang terdapat di Tanah Melayu dan Singapura pada waktu itu telah menjalankan kegiatan tersebut. Mereka kemudian menghilangkan diri apabila perang hampir tiba sebelum apa-apa tindakan di ambil ke atas mereka.⁹

Oleh itu, tentera Jepun telah mengetahui dengan kekuatan dan kedudukan tentera-tentera British di Tanah Melayu dan Singapura. Maklumat ini memberi laluan dan ruang kepada tentera Jepun untuk melakukan serangan-serangan ke atas Tanah Melayu dan Singapura dengan berkesan. Sesetengah daripada askar-askar Jepun menunggang basikal untuk mara ke selatan. Basikal-basikal itu dirampas daripada penduduk-penduduk tempatan.

Motif utama perluasan kuasa atau pengaruh Jepun disebabkan oleh masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh Jepun pada waktu itu. Walau bagaimanapun sebenarnya terdapat motif-motif lain yang dinyatakan oleh pemerintah Jepun seperti mana yang terdapat di dalam polisi Jepun mengenai Asia Timur Raya. Di antara motif yang terdapat di dalam polisinya termasuklah untuk menghapuskan pengaruh-pengaruh barat yang terdapat di Asia pada waktu itu. Jepun juga berharap akan dapat meninggikan serta memajukan kebudayaan rantau ini. Caranya adalah dengan membentuk satu wilayah atau kawasan yang bersatu dan berkuasa sendiri di Asia di mana Jepun sebagai penaungnya.¹⁰ Jepun

⁹ D.K. Palit, *The Campaign In Malaya*, India: Palit and Dutt, Dehra Dun, 1971, hlm.4-6.

¹⁰ C. Brett, *Japanese Rule In Malaya, 1942-1945*, (M.A. Tesis, University of Washington, U.S.A. 1950) hlm. 3



Gambar di atas menunjukkan kemaraan askar Jepun dengan menggunakan basikal ketika menyerang Tanah Melayu.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

merasakan dirinya layak untuk berbuat demikian kerana adanya tiga perkara di tangannya. Yang pertama mereka merasakan mereka ada kekuatan, kedua, kedermawan dan ketiga ianya akan mendatangkan kebaikan.

Jepun merasakan bahawa kekuatan akan dapat menghapuskan nilai-nilai barat dari Asia, kedermawaan pula akan dapat memberi jalan kepada Jepun untuk memonopoli dan kemudian membahagikan secara adil hasil-hasil tersebut. Disamping itu, Jepun menganggap bahawa Asia adalah sebagai rakannya dan akan cuba menghadiahkan keamanan kepada seluruh penduduk Asia. Sungguhpun demikian, kemasukkan Jepun dalam perang tersebut pernah juga ditafsirkan sebagai bukannya semata-mata merupakan pola kapitalis dan imperialis seperti yang dilakukan oleh negara-negara barat. Penglibatan Jepun dalam perang ini lebih merupakan satu usaha untuk mengawal dan mengekalkan kepentingannya yang terancam oleh kemaraan Imperialisme Barat di Asia.¹¹

Dalam usaha memenuhi cita-cita tersebut, Jepun juga mempunyai cita-cita penjajahan seperti yang pernah dilakukannya di China telah mengemukakan konsep ‘Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya’ sejak tahun 1938 lagi. Namun pada ketika itu, ianya masih belum mempunyai definisi yang tepat dan masih kabur kecuali penjajahan ke atas negeri China dan Manchuria.¹² Walau bagaimana pun kemudiannya, ‘Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya’ tersebut dikatakan akan meliputi seluruh wilayah yang akan diduduki oleh Jepun

11 J.C. Lebra, *Jungle Alliance: Japan and The I.N.A.*, Singapore: Donald Moore, 1971, hlm. xi

12 W.H. Elsbree, *Japan's Role In Southeast Asian Nationalist Movements 1940-1945*, New York: Russell and Russell, 1970, hlm. 5.

termasuk Manchukuo, negeri-negeri di Asia Tenggara iaitu Indochina Perancis, Thailand, Malaya, Borneo Hindia Belanda, Australia, New Zealand dan berkemungkinan termasuk India.¹³

Pihak kerajaan Jepun telah membuat perancangan yang teliti mengenai perkara ini. Pada bulan November 1941, satu dasar-dasar panduan mengenai negeri-negeri yang bakal ditakluki telah dirangka. Dasar-dasar tersebut ialah:¹⁴

- 1) Pentadbiran tentera hendaklah di tubuhkan untuk memulihkan peraturan dan keamanan serta mengawal dengan segera sumber-sumber yang mustahak untuk kegunaan peperangan.
- 2) Menggunakan sepenuh-penuhnya struktur pentadbiran yang wujud dan sedapat-dapatnya tidak mencampuri adat-istiadat masyarakat tempatan.
- 3) Mengawal alat-alat dan kemudahan pengangkutan, perhubungan, perdagangan dan kewangan oleh tentera pendudukan itu.
- 4) Membimbing dan mengawal penduduk-penduduk tempatan supaya mereka bergantung kepada pentadbiran tentera itu. Pentadbiran itu juga mestilah menghalang kebangkitan pergerakan kemerdekaan

¹³ Elsbree, *Japan's Role*, hlm. 6.

¹⁴ Elsbree, *Japan's Role*, hlm. 19.

penduduk-penduduk tempatan.


- 5) Mengadakan kerjasama dengan orang China seberang laut yang dimestikan menolak taat setia mereka kepada kerajaan Chiang Kai-Shek dan mesti bekerjasama dengan pentadbiran tentera.
- 6) Penghapusan pentadbiran tentera secara beransur-ansur dan penggantiannya dengan satu pentadbiran bentuk baru yang akan ditetapkan kemudian.

Dasar-dasar tersebut adalah untuk menjadi landasan kepada tindakan Jepun di mana keadaan yang menuju kepada perperangan tersebut sudah hampir tiba. Apabila bunga-bunga harapan untuk mencapai matlamat kemenangan tersebut hampir nyata maka pada awal 1942, satu Majlis Pembinaan Asia Timur Raya telah dibentuk.¹⁵

Tujuan utama penubuhan majlis tersebut adalah untuk melaksanakan cita-cita kerajaan Jepun dengan berlandaskan ucapan Perdana Menteri Jepun, Hideki Tojo pada 28 Mac, 1942, bahawa;

“... kesedaran persaudaraan sejagat atau ‘Hakko Ichiu’ yang memerlukan pula pengawalan terhadap seluruh Lingkungan Asia Timur Raya dan meneruskan pembangunan melalui kerjasama setiap ras dalam orbit tersebut , pembangunan seluruh keupayaan ekonomi dalam orbit itu untuk faedah bersama dan mencipta satu sentimen yang merupakan satu keadaan saling memahami sehingga penduduk-penduduk yang terlibat dapat merasa dengan adil satu kesusahan dan

¹⁵ *Syonan Times*, 20 hb. Mei, 1942



Peta 2

Peta di atas menunjukkan perluasan kuasa tentera Jepun, 1937 - 1942

Peta asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

kegembiraan..

Perang Dunia Kedua telah memberikan Jepun satu peluang yang baik untuk melaksanakan konsep-konsep yang dibungai dengan ciri-ciri kemanusiaan dan pembebasan seperti ‘Asia Untuk Asia’, ‘Persaudaraan Sejagat’ dan sebagainya dengan Jepun sebagai pemimpin agungnya. Pada 18 September 1941, Jeneral Sugiyama , mengarahkan Fujiwara supaya membantu Kolonel Tamura bergerak ke Tanah Melayu. Unit yang diketuai oleh Fujiwara itu hanya mengandungi 12 orang anggota dan lima orang daripadanya lulusan daripada sekolah Nakano yang mlatih pegawai perisikan. Mejor Fujiwara mengatur strategi untuk menyusup masuk ke Tanah Melayu dengan mengambil peluang daripada wujudnya unsur-unsur tidak puas hati di kalangan orang India, Cina dan Melayu.

Segala kepincangan yang terdapat di kalangan penduduk yang berbilang kaum di Tanah Melayu telah memudahkan lagi perancangan Jepun untuk menawan Tanah Melayu. Di kalangan orang Melayu, Fujiwara memberi perhatian kepada golongan kiri yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakob. Ibrahim Yaakob bersama rakan-rakannya telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938. Pihak Jepun mendapati golongan Melayu pimpinan Ibrahim Yaakob sangat berguna dan boleh diwujudkan pakatan dengan mereka.. Pakatan sulit dengan pertubuhan ini dikenali sebagai “Kanc” (kura-kura). Ia melibatkan juga beberapa orang penduduk Jepun dan ahli L.L. ¹⁷

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 7.

Ahli K.M.M. di negeri-negeri Melayu di arahkan supaya menjadi petunjuk jalan dan penterjemah apabila askar Jepun datang menyerang. Pada ketika itu mereka dikehendaki memakai kain lilitan di lengan yang bertulis "Kame". Dalam usaha untuk mempergiatkan propaganda Jepun, Ibrahim Yaakub diberi bantuan sejumlah \$18,000 untuk membeli akhbar *Warta Malaya*. Ibrahim Yaakub menggunakan akhbar ini untuk menyebarkan dakyah Jepun.¹⁸ Kerelaan Ibrahim Yaakob bekerjasama dengan pihak Jepun adalah kerana:

Dengan kata lain, Ibrahim beranggapan tindakan ini sebagai pertukaran jaminan yang orang Melayu tidak akan menentang pasukan Jepun apabila mereka memasuki Tanah Melayu. Beliau memperolehi wang dan dijanjikan tentang kemerdekaan Tanah Melayu akan dipertimbangkan pada masa akan datang, kedaulatan Melayu, agama dan adat istiadatnya akan dipertahankan dan wanita Melayu serta harta benda akan dihormati. K.M.M. juga meminta Jepun menyokong ke arah "Kesatuan Negeri-Negeri Melayu" bergabung dalam Indonesia Raya.¹⁹

Tindakan Ibrahim Yaakob juga bertujuan mengimbangi sokongan kaum-kaum lain kepada Jepun, dan bagi mengelakkan daripada semua orang Melayu dicap sebagai tali barut British. Orang India menyokong Jepun melalui I.L.L., manakala orang Cina pula disokong oleh penyokong kerajaan boneka Wang Ching-Wei. Pihak Jepun juga berusaha melatih ejennya daripada pelbagai kaum.²⁰

¹⁸ Erio Robertson, *The Japanese File*, Hong Kong: Heinemann, 1979, hlm. 116-123

¹⁹ Cheah Boon Kheng, "The Japanese Occupation of Malaya 1941-45: Ibrahim Yaakob and the Struggle for Indonesia Raya", *Indonesia* (28), Oktober 1979, hlm. 95-96,

²⁰ Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun*, hlm. 7

Satu lagi strategi Jepun untuk memudahkan serangannya ke atas Tanah Melayu ialah dengan mengadakan pakatan dengan Thailand. Dengan ini diharap tentera Jepun dapat mendarat di negara tersebut tanpa halangan dan akan memudahkan lagi perancangan mereka untuk menakluki Tanah Melayu. Pemimpin Thailand pada ketika itu telah dijanjikan dengan pelbagai tawaran sekiranya mereka membenarkan kawasannya digunakan untuk laluan tentera Jepun ke Tanah Melayu. Di antaranya ialah kemerdekaan Thailand akan terjamin serta mendapat semula bekas tanah jajahannya di Indochina, Tanah Melayu dan Burma.²¹ Di sini tanda-tanda awal untuk Thailand bekerjasama dengan Jepun telah mula kelihatan.

Operasi tentera Jepun di Tanah Melayu dipimpin oleh Lt. General Tomoyuki Yamashita iaitu pemerintah tentera Jepun ke-25. Beliau juga dikenali sebagai Harimau Malaya. Manakala Sosaku Suzuki sebagai pembantu kanannya dan Timbalan Laksamana Jisaburo Ozawa sebagai pemerintah operasi laut.²² Pasukan ke-25 mempunyai division infantri yang mengandungi seramai 50,000 orang, kereta kebal sederhana sekurang-kurangnya 80 buah dan yang kecil 100 buah. Mereka juga mempunyai pasukan meriam yang kuat. Ketumbukan ke-4 diletakkan sebagai pasukan simpanan, dan kekuatan sebenar pasukan Jepun dianggarkan memiliki 80,000 askar pengempur. Pasukan udaranya pula mempunyai 450 buah kapal terbang. Tentera lautnya pula mempunyai dua buah kapal terbang tentera laut.²³

²¹ Tsuji Masanobu, *Singapore 1941-42*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm.106.

²² Tsuji Masanobu, *Singapore*, hlm 28-29.

²³ Mohammad Isa Othman, *Pendudukan Jepun*, hlm. 10

Dengan tindakan Thailand yang bersetuju bekerjasama dengan Jepun itu, maka pintu pertahanan di utara Tanah Melayu terbuka untuk di serang. Menjelang bulan Oktober dan November 1941, Jepun telah membentuk Pasukan Tentera Selatan (Nampo Sun) yang diketuai oleh Marsyal Toshikau Terauchi Hisaichi.²⁴

Pada 8 Disember 1941, Jepun mengisyiharkan perang ke atas Amerika Syarikat dan Britain. Serangan pertama ke atas Tanah Melayu bermula di pantai timur pada tengah malam 7 Disember 1941. Pasukan tentera Jepun yang menyerang Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada;

- 1) Ketumbukan ke-5 di bawah pemerintahan Lt. Jeneral Matsui yang mendarat di Songkhla dan Patani. Kemudian pasukan ini mara dengan cepat ke Kedah dan Perlis. Selepas itu pasukan ini akan bergerak ke selatan dengan menakluki negeri-negeri di pantai barat termasuk Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan akhirnya Singapura. Pasukan ini mempunyai pengalaman luas dalam peperangan di China terutamanya dalam pertempuran Hsuchow.
- 2) Ketumbukan Pengawal Imperial di bawah perintah Lt.Jeneral Takuma Noshimura juga akan mendarat di Siam. Ketumbukan ini akan mengikut dari belakang Ketumbukan ke-5 di Perak dan kemudian mara ke selatan.
- 3) Ketumbukan ke-18 yang diperintah oleh Lt. Jeneral Mtaguchi akan mendarat di Kota Bharu, Kelantan dan kemudian ke Terengganu,

²⁴ A.E. Percival, *The War In Malaya*, Bombay: Orient Longmans, 1957, hlm.46

Pahang, Johor dan akhirnya ke Singapura.²⁵

Tempat pertama yang dibedil oleh kapal tentera laut Jepun ialah Dogra di Pantai Badang, yang terletak kira-kira sepuluh batu dari Kota Bharu. Pada 8 Disember, serangan dilancarkan ke atas Kuala Pak Amat, Pengkalan Chepa dan Gong Kedak. Kota Bharu pula dapat ditawan selepas pukul dua petang, 9 Disember 1941. Kemudian diikuti pula dengan kejayaan menawan lapangan terbang Tanah Merah pada 13 Disember dan lapangan terbang Kuala Kerai pada 19 Disember. Dengan itu, pihak Jepun menganggap mereka telah berjaya menghancurkan benteng utara tentera darat dan udara British di Tanah Melayu.²⁶

Pulau Pinang, sebuah kubu pertahanan British yang kuat di utara Tanah Melayu telah diserang pada 11 Disember 1941. Empat hari kemudian, Majlis Perang British mengambil keputusan untuk meninggalkan Pulau Pinang.²⁷ Dengan itu membolehkan batalion Kobayashi daripada Ketumbukan ke-5 menduduki Pulau Pinang dengan mudah pada 17 Disember 1941. Setelah berjaya menawan di bahagian utara Tanah Melayu Jepun terus mara ke selatan. Seterusnya mereka berjaya menawan bandar Taiping, Ipoh dan Kampar. Kekalahan Pasukan British di Slim River dianggap dapat melumpuhkan pertahanan tengah Tanah Melayu, dan

25 Shu Yun Tsao, “*Malayan Chinese Resistance to Japan, 1937-45-Selected Source Materials*”, hlm 16.

26 Tsuji Masanobu, *Singapore*, hlm.96

27 Major General S. Woodburn, *The War Against Japan, The Loss of Singapore*, Vol.1, London: H.M. Stationery Office, 1957, hlm 218-219.



Peta 3

Peta di atas menunjukkan serangan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu yang bermula di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan, pada 8 Disember 1941.

Peta asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

menyukarkan kedudukan pertahanan Johor dan Singapura.²⁸ Kekalahan ini juga telah memusnahkan Ketumbukan ke-11 British.

Pada 11 Januari 1942, Kuala Lumpur pula ditakluki oleh tentera Jepun. Kejatuhan Kuala Lumpur ke tangan Jepun benar-benar telah memberi tamparan yang paling hebat kepada British kerana Jepun telah berjaya mengambil alih pusat pentadbiran awam di Tanah Melayu. Dengan ini juga Jepun berjaya melangsaikan peringkat pertama rancangan penaklukan Tanah Melayu.²⁹ Bagi tentera British, kejatuhan Kuala Lumpur merupakan kehilangan pengkalan utama bagi tentera darat dan udara serta setor yang penuh dengan bekalan tentera. Maruah British telah jatuh manakala tentera Jepun terus bersemangat mara ke arah selatan. Tentera Jepun terus mara ke selatan melalui Kajang, Gemas, Keluang dan Johor Bahru. Manakala Ketumbukan Pengawal Jepun selepas menawan Ipoh, di arah mara ke selatan melalui pantai Selangor dan berjaya menawan Klang, Melaka, Muar, Bakri, Batu Pahat dan seterusnya ke Johor Bahru. Menjelang 31 Januari 1942, tentera British terpaksa berundur ke Singapura setelah berada di Johor Bahru. Tentera Jepun terbukti berjaya menakluki seluruh Semenanjung Tanah Melayu dalam masa tujuh minggu sahaja. Pertahanan Johor yang diserahkan kepada tentera Australia telah dimusnahkan oleh tentera Jepun pada hujung bulan Januari 1942 dan ini memudahkan serangan Jepun ke atas Singapura. Hanya Selat Johor yang sempit yang dapat memisahkan tentera Jepun dan Singapura, kubu British yang paling kuat dan terakhir.

²⁸ Woodburn, *The War*, hlm. 281


²⁹ *Ibid.*, hlm. 289

Pada 9 Februari 1942, tentera Jepun yang diketuai oleh General Tomoyuki Yamashita telah menyeberangi Selat Johor di dalam serangan ke atas Pulau Singapura.³⁰ Sebelum menyeberangi Selat Johor, tentera udara dan Pasukan Meriam Jepun telah membedil sasaran-sasaran di Singapura untuk melemahkan pertahanan tentera Inggeris. Jeneral Percival telah mengarahkan seluruh kekuatan tentera British dan sekutunya dipindahkan ke Singapura. Tujuannya untuk mempertahankan pengkalan terbesarnya di Asia Tenggara ternyata gagal kerana dari segi taktik, Singapura tidak mungkin dapat dipertahankan jika daratan Tanah Melayu ditakluki, sedangkan jika Singapura ditawan, Tanah Melayu masih ada harapan untuk dipertahankan.³¹ Pertahanan British di sepanjang Selat Johor bertambah lemah dan ini telah membuka ruang kepada tentera Jepun untuk menyeberangi selat itu dan kemudian mendarat di pantai barat laut Singapura. Angkatan tentera laut British di Keranji dan Scletar ditahan. Kedua-dua pihak tentera bertempur habis-habisan di Bukit Timah.

Tentera Jepun terlalu kuat untuk tentera British. Dalam tempoh seminggu, tentera Jepun berjaya menawan kolam-kolam air, depot senjata dan depot makanan di pulau itu. Secara rambang, bahagian utara dan tengah Singapura jatuh ke tangan tentera Jepun pada 15 Februari 1942. Leftenan Jeneral A.E. Percival, komander British di Singapura menyerah kalah pada Jeneral Tomoyuki Yamashita, komander tentera Jepun yang di kenali “ Harimau Malaya”, ganas dan zalim. Jeneral Percival

³⁰ Lihat ‘*The Japanese Occupation Singapore 1942-1945*’, Archives & Oral History Department, Singapore News & Publication Limited, 1985, hlm. 21

³¹ Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun*, hlm. 21.



Peta 4

Peta menunjukkan arah dan kedudukan tentera Jepun ketika menyerang Singapura
Setelah menyberang Selat Johor pada 9 Februari 1942.
Peta asal diperolehi dari Arkib Negara, Johor.

tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa menyerah kalah kerana pasukannya kekurangan peralatan tentera seperti peluru dan alat pembedil. Tambahan pula bekalan makanan dan air semakin berkurangan manakala bilangan askar Jepun pula melcbihi askar British. Kemenangan Jepun yang dicapainya dalam masa yang singkat iaitu selama 70 hari selepas pendaratannya di Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember 1941, pada umumnya telah disebabkan oleh kurangnya persiapan untuk menentang Jepun oleh pentadbiran British di Tanah Melayu.

Serangan ke atas Tanah Melayu sebenarnya tidak diramalkan oleh pihak British. Tentera British menganggap mereka lebih kuat daripada orang Asia. Inilah prasangka yang menghancurkan rancangan tentera mereka sendiri dan tentera British di Tanah Melayu sebenarnya tidak bersedia untuk menghadapi sebarang serangan dari negeri Jepun.³² Mereka tidak menyangka Jepun akan menyerang Tanah Melayu dari bahagian utara. Pertahanan utama British berpusat di bahagian selatan terutamanya di Singapura. Pertahanan British di Tanah Melayu adalah berdasarkan andaian bahawa bantuan akan dihantar dari Britain sekiranya Tanah Melayu diserang. Malangnya Britain tidak dapat menghantar bantuan tentera apabila Tanah Melayu diserang oleh Jepun memandangkan ia sendiri mengalami kesulitan di Eropah. Britain sebenarnya baru pulih dari kekalahan-kekalahannya di negeri Perancis dan terpaksa membantu Russia dari serangan Jerman.³³

³¹ Lihat J.Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 258 dan K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, hlm. 273

³³ Kennedy, *A History*, hlm. 258

Disamping itu pula tentera-tentera Jepun adalah terlatih dan mempunyai semangat dedikasi serta cintakan Tenno-Heika dan negara disamping disiplin yang tinggi serta telah dilatih dengan baik untuk menyerang Tanah Melayu. Tentera Jepun juga bukan sahaja mempunyai semangat dan disiplin yang baik malah bersedia untuk berkorban demi kepentingan dan keagungan negeri Jepun. Mereka telah diketuai oleh pegawai-pegawai tentera yang berkebolehan dan berpengalaman seperti Yamashita dan Tsuji Masanobu. David Benjamin menegaskan;

Pujian patut diberi kerana kejayaan tentera yang istimewa ini sebahagian besar milik perancangnya,
Lt. Tsuji Masanobu dari unit 82 di Taiwan yang
telah bekerja keras untuk rancangan mara ke
selatan sejak musim panas dahulu.³⁴

Berjuang demi negara telah membolehkan tentera Jepun mengalahkan tentera British walaupun bilangan mereka secara relatif adalah kecil. Tentera British berjumlah lebih daripada 130 000 orang manakala tentera Jepun hanya berjumlah kira-kira 50 000 orang sahaja.³⁴ Dari segi kekuatan dan strategi tentera udara, didapati kedudukan Jepun adalah lebih baik. Pasukan tentera Jepun yang berpengkalan di Singgora, Patani, berjaya menyerang dan memusnahkan lapangan terbang serta kepentingan British seperti bahan bakar dan petrol yang terletak di utara Tanah Melayu seperti di Lapangan terbang Kepala Batas dan Sungai Petani di Kedah. Jepun juga berjaya menguasai bahagian udara kerana mempunyai peralatan yang lebih canggih berbanding dengan British.³⁵ Sebaliknya tentera-tentera

³⁴ David Benjamin, *Japan's Imperial Conspiracy*, London: Heinemann, 1971.

³⁴ Tan Ding Eng, *A Portrait of Malaya and Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1976, hlm. 164.

³⁵ Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun*, hlm. 23.

British tidak begitu bersatu-padu dan kurang teratur di Malaya pada waktu itu.³⁶

British memang tidak berhasrat mempertahankannya sehingga tentera yang terakhir gugur ke bumi. Matlamat mereka ialah mempertahankan Singapura.³⁷

³⁶ Palit, *The Champaign*, hlm. 145, 152-153.

³⁷ Woodburn, *The War*, hlm 201.



Gambar di atas menunjukkan Jeneral Percival mengetuai tentera Berikut menyerah kalah di Bukit Timah, Singapura pada 15 Februari 1942.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.